

10/01/2003

Umno mahu SPR bersih daftar sebelum pilihan raya

Mokhtar Alias

SEREMBAN: Umno mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membersihkan senarai daftar pemilih yang kini dikatakan dicemari 'pengundi hantu' sebelum mengadakan pilihan raya umum.

Naib Presiden yang juga Pengerusi Biro Keahlian dan Pendaftaran Pengundi Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata taktik kotor Pas memindahkan pengundi semata-mata untuk memenangi pilihan raya sebelum ini, menyebabkan Umno kalah beberapa kerusi.

Beliau berkata, SPR sudah meneliti semula senarai pemilih berikutan dakwaan yang dibuat Umno.

"Kita tidak berpuas hati dengan senarai sedia ada kerana telah dimanipulasi oleh parti lawan.

"Mereka (Pas) tidak menafikan mereka buat kerja ini, malah tidak ada yang boleh diperkatakan oleh mereka kerana arahan bertulis yang ada di tangan kita, atas arahan itu mereka buat kerja ini.

"Sebab itulah kita dapat lihat di sesetengah tempat, yang kita jangka kita menang, kita telah tewas," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat pendaftaran pengundi anjuran Badan Perhubungan Umno negeri, di sini, malam kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Pengerusi Biro Keahlian dan Pendaftaran Pengundi negeri, Datuk Ishak Ismail.

Najib berkata, Umno di pelbagai peringkat perlu prihatin dan memainkan peranan lebih cergas untuk mengesan 'pengundi hantu' sebagai persiapan menjelang pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Umno juga sedang mengumpul maklumat dari semua bahagian dan perkara ini akan diumumkan oleh ibu pejabat parti tidak lama lagi.

Katanya, Umno juga sedang mengesan ahli parti yang masih belum mendaftar sebagai pengundi dan mereka yang mendaftar di luar kawasan mereka.

"Ribuan ahli Umno belum daftar, jadi kita perlu ambil langkah tegas dan bersungguh-sungguh... perkara ini kerjanya perlu diturunkan pada peringkat peti undi dan cawangan," katanya.

Beliau memberi contoh, daripada 112,560 ahli parti di negeri ini, 24,041 masih belum mendaftar sebagai pengundi. Jumlah ahli parti yang mengundi di luar kawasan mereka pula seramai 15,881.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, beliau akan memberi sokongan penuh kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara, Oktober ini.

Najib berkata, beliau mahu membuktikan dakwaan Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, bahawa akan berlaku perebutan dalam parti adalah tidak benar.

"Kita akan bekerja sebagai satu pasukan," katanya.